

Headline **'Orang Melayu perlu bijak menyusun kata'**
Date **13 Nov 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **255 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **7,222**
PRValue **21,666**



'Orang Melayu perlu bijak menyusun kata'

Keadaan penyakit undang pelbagai andaian masyarakat, ada bertanya soalan memedihkan

LAMA juga saya tidak ke majlis kenduri. Bukan sombong, tetapi keadaan diri yang tidak mengizinkan. Teringin juga menikmati juadah kenduri. Justeru, apabila isteri atau anak pulang dari majlis itu, antara pertanyaan saya ialah ramai ke tetamu, siapa yang datang dan makan apa. Mendengar cerita mereka, saya cukup gembira. Lebih-lebih lagi apabila tuan rumah, saudara mara dan kenalan bertanya khabar dan berkirim salam. Prihatin mereka kepada saya.

Baru-baru ini, saya gagahkan diri untuk ke majlis kenduri. Tuan rumah berhajat sangat supaya saya dapat datang ke majlis itu. Rasanya tidak sampai hati hendak menolak jemputannya. Begitu pun, saya berpesan pada isteri, tidak boleh lama-lama. Al-maklumlah, saya bukan-

nya boleh duduk lama-lama, perlu rehat sekejap. Lagi pun, saya kurang selesa apabila dikelilingi ramai orang. Paling dibimbangi, terpaksa menjawab pelbagai soalan mengenai penyakit ini. Siapa yang tidak bosan apabila perlu menjawab soalan yang sama terlalu banyak kali. Penat dibuatnya. Lebih-lebih lagi, apabila terlalu banyak bercakap, saya bagaikan sesak nafas dan hilang suara. Akhirnya, orang tidak faham apa yang dicakap.

Berbalik kepada majlis tadi, seperti diduga, ramai ingin tahu mengenai penyakit ini. Badan yang terlalu kurus, kulit berkilat, dengan tangan dan jari membengkak, pasti ada yang pelik melihat orang seperti ini. Ada juga kanak-kanak yang takut. Pelik sungguh orang ini.. Saya tengok ada yang pandang-

pandang, jeling-jeling. Saya buat tidak tahu saja. Ada juga yang mengenali saya melalui kolum ini atau pernah membaca atau menonton kisah saya melalui media.

Dipendekkan cerita, ada seorang tetamu tidak dikenali, bertanyakan soalan yang memedihkan hati.

"Sakit apa, sakit kusta ya." Lelaki yang bersuara lantang itu, bagaikan rasa tidak bersalah membuat kenyataan itu di depan orang ramai. Isteri cepat-cepat memintas soalan itu dan menerangkan penyakit saya. Isteri lelaki tadi yang

Headline	'Orang Melayu perlu bijak menyusun kata'	Language	Malay
Date	13 Nov 2010	Page No	23
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	255 cm ²
Section	Nasional	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	7,222
Frequency	Daily	PRValue	21,666
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

duduk di sebelahnya, perasan dengan perkara itu kemudian men- celah dengan tajuk perbualan lain.

Itu bukan kali pertama, orang mentafsir penyakit ini dengan ha- nya melihat keadaan fizikal saya. Ada yang kata saya mendapat sopak dan Aids. Ada juga yang mengang- gap saya penagih dadah tegar. Me- reka tidak mendapat maklumat te- pat mengenai penyakit seperti saya, mahupun penyakit lain. Keadaan sebegini, antara sebab, saya malas menghadiri majlis yang dihadiri ra- mai orang.

Pada saya tidak salah bertanya, tetapi biar pandai menyusun kata- kata supaya tidak menyinggung pe- rasaan orang lain. Orang Melayu-

kan, kaya dengan budi bahasa. Apa salahnya berkata: "Minta maaf ya, saya hendak bertanya, saudara ini sakit apa." Atau - "Minta maaf ya, jika tidak keberatan saya ingin tahu, saudara ni sakit apa." Agaknya dek terlalu banyak didedahkan dengan budaya pertuturan ringkas dan ce- pat, orang kita sudah tidak pandai menyusun kata-kata bersopan.

“ Ada juga yang menganggap saya penagih dadah tegar. Mereka tidak mendapat maklumat

tepat mengenai penyakit seperti saya, mahupun penyakit lain. Keadaan sebegini, antara sebab, saya malas menghadiri majlis yang dihadiri ramai orang”

